

‘Berusah Sungkai’ eratkan staf

► Program tahun ketiga anjuran UMSKAL

LABUAN: Program Berusah Sungkai telah mengeratkan staf Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Menurut Pengarah Program Che Din Mohd Salleh, program tersebut yang sudah memasuki tahun ketiga penganjurannya diadakan sebagai salah satu aktiviti staf pada bulan Ramadan.

Katanya, kakitangan UMSKAL memasak juadah berbuka bersama-sama pada sebelah pagi dan agihan kepada semua staf bermula pukul 4 petang.

Beliau menambah, sumbangan kewangan diperolehi daripada



CHE DIN (kanan) mengagihkan juadah kepada kakitangan UMS Labuan, Khamis lalu.

pengurusan UMSKAL, Masjid Al-Hikmah UMSKAL, Fakulti Kewangan Antarabangsa

Labuan dan Fakulti Komputer dan Informatik, Kelab Kebajikan Kakitangan UMSKAL (KAKAL) dan

staf UMSKAL sendiri.

“Aktiviti memasak dilaksanakan di garaj bas UMSKAL manakala agihan dibuat di kaunter perkhidmatan pelanggan UMSKAL di Bangunan Menara,” katanya ketika ditemui selepas mengagihkan juadah kepada kakitangan universiti itu, Khamis lalu.

Kata Che Din, antara menu juadah yang dimasak

“ Aktiviti memasak dilaksanakan di garaj bas UMSKAL manakala agihan dibuat di kaunter perkhidmatan pelanggan UMSKAL di Bangunan Menara.”

CHE DIN MOHD SALLEH
Pengarah Program



KAKITANGAN UMSKAL bersama-sama memasak pelbagai jenis juadah pada program Berusah Sungkai 2018.

termasuk ayam masak merah, daging kari bersama

kelupis, lontong, makaroni dan tea cincau.

Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih atas sokongan dan komitmen Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Haji Mohamad Tuah serta Dekan FKAL, Dr Zaiton Osman dan Dekan FKI,

“Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua kakitangan yang bertungkus lumus menjayakan program tahunan itu. Semoga menerusi program itu akan mengeratkan lagi hubungan baik antara kakitangan UMSKAL,” katanya.